

قُتْيَقَنْ قِيَتَه

PETIKAN TITAH

"TIKA kita merancang, maka perancangan itu hendaklah didukung oleh keupayaan sumber manusia yang berkemahiran dan cekap, supaya dengan itu dapatlah kita memperolehi hasilnya dengan memuaskan. Supaya perancangan lebih efektif, maka Perkhidmatan Awam perlu mengambil langkah memperkuatkannya lagi 'akauntabiliti' dalam pentadbirannya. Melalui ini, ia dapat diharapkan untuk menerapkan 'budaya prestasi' atau 'performance culture' dalam Perkhidmatan Awam itu."

- Titah Sempena Hari Keputeran Baginda Ke-69 Tahun pada 15 Ogos 2015.



پلیٹا Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK

4.35 4.45 6.10 6.34 12.23 3.49 6.34 7.50

TAHUN 61 / BILANGAN 74

20 JUN 2016 / 1437 14 رمضان

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI ISNIN / PERCUMA

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"WAHAI manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi pengajaran daripada Tuhan kamu dan ubat penyembuh bagi penyakit batin yang ada di dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman."

- (Firman Allah Subhanahu Wata'alai dalam Surah Yunus, ayat 57).



Majlis Khatam di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



MAJLIS Khatam Al-Quran yang diadakan di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan berlangsung di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin bin Pengiran Haji Abbas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Jun. - Majlis Khatam Al-Quran bagi menandakan berakhirnya pembacaan Al-Quran 30 Juzuk sepanjang bulan Ramadan diadakan di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan, di sini.

Majlis berlangsung di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin bin Pengiran Haji Abbas.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dari Surah Ad-Dhuha didahului oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Sementara itu, bacaan Takhtim dan Doa Khatam dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Majlis diserikan lagi dengan bacaan dikir dibawakan oleh pegawai-pegawai masjid yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang yang juga mendahului bacaan Surah Al-Fatiyah dan kemudiannya Doa Dikir.

Doa Selamat kemudiannya dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid.

Berangkat dan hadir pada majlis tersebut ialah Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Projek Julangan Titah bantu golongan memerlukan

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

MUKIM BERAKAS, Sabtu, 18 Jun. - Sikap keprihatinan dan pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jelas mencerminkan baginda sentiasa mengeliga dan menitikberatkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat baginda khususnya dalam kalangan golongan yang memerlukan.

Pada Projek Julangan Titah, sebanyak tujuh buah rumah masing-masing diserahkan di kediaman para penerima terdiri daripada Dayang Fauzanah binti Ahad, Dayang Faridah binti Kamis, Dayang

Hajah Murah binti Tamit, Dayang Samanah binti Awang Metussin, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Kamis, Dayang Siti Nor Manja Lina Wati binti Haji Abdul Rahman dan Dayang Siti Nor Manja Marne binti Haji Abdul Rahman.

Ini merupakan sebagai usaha ke arah menyahut titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana menggalakkan sesama masyarakat supaya bantu-membantu ke arah kebajikan.

Majlis Penyerahan Rumah Projek Julangan Titah bagi Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Kamis, Dayang Siti Nor Manja Lina Wati binti Haji Abdul Rahman dan Dayang Siti Nor Manja

Marne binti Haji Abdul Rahman diadakan di Simpang 23-68, Kampung Delima Dua, di sini.

Penyerahan plak rumah Projek Julangan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada tiga penerima itu diserahkan oleh Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, selaku Ahli Jawatankuasa Projek Julangan Titah.

Dalam temu bual Pelita Brunei, para penerima masing-masing melahirkan rasa menjunjung kasih ke hadapan majlis baginda atas pengurniaan bantuan rumah tersebut yang sedikit sebanyak dapat meringankan bebanan, di samping memberi keselesaan kepada mereka dalam menjalani kehidupan sehari-hari terutama pada bulan Ramadan dan menjelang Syawal nanti.

Ke muka 12

Pertukaran, lantikan jawatan pegawai kanan kerajaan

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Jun. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pertukaran dan pelantikan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Timbalan Setiausaha Tetap, Dasar Pertahanan dan Pembangunan, Kementerian Pertahanan, Awang Abu Sufian bin Haji Ali ditukar ke Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, sementara 240 Kapten Abdul Rahman bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap, Dasar Pertahanan dan Pembangunan, Kementerian Pertahanan.

Tarikh pertukaran dan pelantikan pegawai-pegawai tersebut berkuat kuasa mulai hari Isnin, 14 Ramadan 1437 Hijrah bersamaan 20 Jun 2016 Masihi.

Pelajar perlu inovatif, berkemahiran

Assalamualaikum Warahmaullahi
Wabarakatuh
Bismillahir Rahamanir Rahim

SAYA berasa gembira pada hari ini bersama awda di Simposium Antarabangsa Politeknik Brunei Ke-2 2016. Izinkan saya memulakan dengan mengalau-alukan penceramah-penceramah kita yang datang dari luar negeri untuk berkongsi pandangan mereka dengan kita, Penceramah Ucaptama, Profesor Grainne Conole dari United Kingdom, Profesor Madya Low Ee Ling dari Singapura dan Dr. David Asirvatham dari Malaysia.

Kira-kira 200 pensyarah-pensyarah, guru-guru, dan pegawai pendidikan dari pelbagai intitusi pendidikan tinggi, seperti Universiti Brunei Darussalam, Universiti Teknologi Brunei, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Politeknik Brunei serta sekolah-sekolah menengah daripada kedua-dua sektor kerajaan dan swasta menyertai simposium tahun ini yang mencerminkan satu acara yang baik dengan pendidik. Saya percaya simposium tahun ini akan menyediakan satu peluang yang baik untuk pertukaran maklumat mengenai amalan inovatif pengajaran dan pembelajaran antara fasilitator dan peserta.

Dengan tema 'Meningkatkan Pengajaran Inovatif dan Strategi Pembelajaran Dalam Pendidikan Tinggi', sesuai dengan visi Kementerian Pendidikan untuk Abad Ke-21. Pelbagai aktiviti termasuk sesi forum interaktif menerusi telepersidangan dengan salah satu daripada pembentang dari Microsoft di Thailand, bersama-sama dengan siri seminar dan bengkel praktikal telah dianjurkan dan aktiviti ini telah direka untuk merangsang dan menjana para peserta untuk mengamalkan strategi inovatif dalam pengajaran mereka.

Sejak beberapa tahun yang lalu, Kementerian Pendidikan telah banyak berkembang maju dengan meningkatnya kualiti standard pengajaran dan pembelajaran yang sebahagian besarnya melalui inovasi pendidikan. Inovasi pendidikan merupakan salah satu platform untuk menyediakan pendidikan berkualiti yang pada dasarnya perlu dikongsi oleh semua institusi pendidikan, swasta, awam, mainstream atau pakar.

Inovasi dalam pendidikan, antara lain, termasuk pembelajaran digital. Pembelajaran digital boleh ditakrifkan sebagai apa-apa jenis pembelajaran yang dibantu oleh teknologi atau amalan pengajaran yang menggunakan teknologi secara berkesan. Ia berlaku dalam semua bidang pembelajaran dan domain yang merangkumi amalan penggunaan spektrum yang luas termasuk permainan berdasarkan pembelajaran yang disesuaikan dan visual, mengakses kandungan digital, bekerjasama peringkat tempatan dan global, penilaian dan laporan online, penyertaan aktif dalam komuniti online dan menggunakan teknologi untuk berhubung, bekerjasama, menyusun dan mencipta antara lainnya.

Dalam konteks ini, pendidikan melalui teknologi pembelajaran digital perlu berkembang melalui inovasi dan sasaran untuk



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada Simposium Antarabangsa Politeknik Brunei Ke-2 2016 Meningkatkan Pengajaran Inovatif dan Strategi Pembelajaran di Pengajian Tinggi pada hari Sabtu, 21 Syaaban 1437 Hijrah bersamaan 28 Mei 2016 Masihi di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah Universiti Brunei Darussalam.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Musmariani Haji Mohammad

membantu pelajar-pelajar kita menghadapi perubahan teknologi. Pelajar-pelajar pada masa kini perlu berdikari dan dilengkapi dengan kemahiran dalam menyelesaikan masalah, berfikir kreatif dan berfikir di luar kotak. Lebih penting lagi, mereka perlu menjadi inovatif dan bersedia untuk masa depan. Ia juga penting bagi amalan pendidikan dalam memanfaatkan kemajuan teknologi baharu untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar. Ia melalui teknologi yang boleh membina pemahaman budaya lain yang lebih mendalam di seluruh dunia dan berhubung dengan budaya ini di luar keselesaan bilik darjah yang mudah dilakukan dengan alat peranti teknologi. Ini adalah apa yang dimaksudkan dengan pembangunan dalam teknologi pada masa kini. Ini tidak berlaku pada masa akan datang tetapi ia berlaku hari ini.

Kami boleh menawarkan campuran teknologi dari pelbagai alat teknologi yang terdapat hari ini kepada pelajar. Pelajar perlu mempunyai pilihan itu untuk menggunakan mana-mana teknologi baharu yang mencabar melalui pembelajaran berdasarkan cabaran, untuk menggunakan teknologi dengan cara lebih berguna, bukan sahaja minat tetapi

juga dari segi perkembangan peribadi dan kemahiran berfikir. Pelbagai peranti juga memberi pelajar pilihan dalam alat atau teknologi apa yang mereka gunakan. Lebih kerap, pelajar akan memilih gabungan teknologi yang berbeza dan mereka akan mengambil cara yang terbaik dan paling berkesan untuk melengkapkan hasil pembelajaran. Kita dalam masa pendidikan di mana, jika kita secara sah melibatkan generasi muda Abad Ke-21, ia seolah-olah bahawa kita tidak boleh melakukan ini tanpa teknologi. Keyakinan pada masa sekarang ialah jika kita mahu anak-anak kita untuk terlibat dengan pendidikan, ia adalah melalui teknologi yang akan membolehkan mereka untuk meneroka pelbagai bidang pembelajaran untuk pergi lebih jauh, dan baik di luar lingkungan kurikulum sekolah yang ditetapkan.

Pendidikan adalah satu usaha jangka panjang. Terdapat keperluan kemahiran kurikulum dan amalan pengajaran yang inovatif dan teknik yang bertindak balas kepada kemajuan dalam teknologi dan terus memberi inspirasi kepada pelajar-pelajar kita untuk menghadapi cabaran Abad Ke-21. Ini boleh dilakukan melalui pengajaran kemahiran sepanjang hayat yang mana adanya kandungan baik dalam nilai-nilai terpuji seperti yang termaktub dalam falsafah Melayu Islam Beraja di negara ini yang seharusnya dijawi dalam semua peringkat pendidikan.

Di Kementerian Pendidikan inovasi pendidikan adalah salah satu keutamaan penting. Saya yakin bahawa perkongsian inovasi pendidikan dalam simposium hari ini akan menawarkan ruang untuk menghasilkan guru dan pendidik yang berkualiti di seluruh bidang dan peringkat. Dengan bertemakan 'Meningkatkan Pengajaran Inovatif dan Strategi Pembelajaran Dalam Pendidikan Tinggi', saya percaya bahawa tumpuan itu adalah untuk membangunkan kemahiran ICT yang berkaitan dengan melengkapkan pendidik yang berkemahiran dan berpengetahuan dikongsikan dari pengalaman inovator pendidikan dari pelbagai negara. Pendidik perlu berupaya untuk menggunakan sepenuhnya ICT dalam pengajaran serta tidak takut kepada penggunaannya. Saya pasti peserta memperoleh banyak manfaat daripada simposium ini yang akan disebar kepada pelajar-pelajar dengan harapan untuk aspirasi kecemerlangan dalam kerjaya masa depan mereka dalam apa jua bidang-bidang yang dikejar.

Dalam usaha untuk memastikan kesesuaian dan daya saing dalam Abad Ke-21, adalah penting bagi kita berusaha untuk terus berinovasi dan memperbaiki amalan pendidikan. Saya ingin menggalakkan pendidik untuk terus meningkatkan kualiti pengajaran dan program pengajaran, dan bekerja rapat dan membina hubungan kuat satu sama lain. Dalam kehidupan dunia global masa kini, dengan pelbagai alat sesawang yang mudah diperoleh, pelajar dengan motivasi yang mencukupi kini pada dasarnya belajar apa yang diinginkan, bila dan dari mana diinginkan pada dasarnya.

Ke muka 7

Dari Sidang Pengarang.

20 JUN 2016 BERSAMAAN 1437 14

PERBANYAKAN AMAL IBADAH

F IRMAN Allah Subhanahu Wata'ala dalam ayat 183, Surah Al-Baqarah menjelaskan, berpuasa di bulan Ramadan adalah satu perintah yang wajib dilakukan serta termasuk dalam rukun Islam. Ganjaran amat besar dijanjikan bagi hamba-Nya yang berpuasa di bulan penuh kerahmatan ini dan begitu juga amal ibadah yang dilaksanakan dalam bulan tersebut. Ganjaran serta kelebihan sedemikian tidak dapat diperoleh di bulan-bulan yang lain.

Bulan Ramadan sudah menghampiri ke pertengahan bulan. Mari kita bermuhasabah dan merenung kembali apa yang sudah kita laksanakan dalam usaha untuk mengaut keberkatan yang ada dalam bulan ini. Apakah masa yang sedia ada diisi dengan memperbanyakkan amal ibadat seperti bertadarus Al-Quran, memperbanyakkan amalan sedekah, mengeluarkan zakat, memperbanyakkan zikir, beristiqfar, melakukan sembahyang-sesembahyang sunat terutamanya Sembahyang Sunat Tarawih dan Sunat Witir?

Maka rugilah kita jika sekiranya peluang yang diberikan untuk menambah amal ibadah di bulan ini disia-siakan begitu sahaja.

Seperi yang dapat dilihat di media massa, banyak agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta badan-badan bukan kerajaan mengadakan majlis tadarus, bertahlil, bersedekah dan berwakaf. Alhamdulillah, ini merupakan satu amalan mulia dan mudah-mudahan usaha ikhlas ini akan diberikan ganjaran yang setimpal oleh Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Bercakap mengenai sedekah, walaupun hukum bersedekah dalam Islam adalah sunat sahaja, fadhilatnya sangat besar. Umat Islam sangat digalakkan supaya memperbanyakkan bersedekah sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 195 tafsirnya :

"Dan belanjakanlah (harta yang ada pada kamu) pada jalan Allah dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu dengan tangan kamu sendiri ke dalam bahaya kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan."

Orang yang bersedekah akan diberikan jaminan kemudahan oleh Allah dengan ganjaran yang berlipat ganda dan sebagai ganti sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Lail, ayat 5-7 tafsirnya :

"Adapun orang yang memberikan (hartanya pada jalan Allah) dan bertakwa. Dan dia mengakui kebenaran adanya ganjaran yang baik (syurga). Maka Kami akan memudahkannya untuk mendapat kesenangan."

Islam sangat menekankan kepada amalan bersedekah dan nilai sedekah itu tidaklah hanya tertakluk kepada kuantiti yang disedekahkan tetapi terletak pada nilai keikhlasan niat di hati sebagaimana disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari yang bermaksud :

"Barang siapa yang bersedekah sebesar biji kurma dari hasil yang baik dan Allah Subhanahu Wata'ala hanya menerima sesuatu yang baik saja. Nescaya Allah Subhanahu Wata'ala akan menerima dengan tangan kanan-Nya, lalu memeliharanya untuk diberikan kepada pemiliknya sebagaimana salah seorang daripada kalian memelihara anak kudanya hingga (pahala sedekahnya itu menjadi seperti gunung)."

Maka bersyukurlah kita kerana bertemu bulan Ramadan pada tahun ini dan ambillah kesempatan yang berharga ini untuk menambah amal ibadah seperti bersedekah, berzikir, bertadarus dan banyak lagi.

Jadikan bulan Ramadan ini sebagai titik permulaan kepada kehidupan yang lebih baik. Bersyukurlah kita kerana boleh menikmati bulan Ramadan dengan penuh keamanan dan keselesaan.

Semoga amal ibadah kita akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin. - **Ketua Penyuntingan (Ss).**



WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."

Masihi	HARI	Hijrah RAMADAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
JUN	ISNIN	14	4.35	4.45	6.10	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50
	SELASA	15	4.35	4.45	6.10	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50
	RABU	16	4.35	4.45	6.10	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50
	KHAMIS	17	4.35	4.45	6.10	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
	JUMAAT	18	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
	SABTU	19	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
	AHAD	20	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN

AMBULANS **991** | POLIS **993** | BOMBA **995** | PENYELAMAT **998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC **123** | **2380214**

Yang Di-Pertua MMN anjurkan Majlis Khatam Al-Quran

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Sabtu, 18 Jun. - Kegiatan membaca Al-Quran terus diadakan semata-mata bagi meraih pahala berlipat ganda selain menyemarakkan bulan suci Ramadan.

Aktiviti-aktiviti keagamaan seperti khatam Al-Quran adalah sebagai salah satu syiar dalam memakmurkan bulan suci Ramadan selain meningkatkan iman dan amal ibadah pada bulan penuh keberkatan ini.

Sehubungan itu, Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib turut mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bertempat di kediaman Yang Berhormat di Kampung Jerudong, di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatiha beramai-ramai dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran serta Takhtim.

Acara kemudiannya diteruskan dengan Dikir Ashrakal diteruskan dengan acara berbuka puasa serta Solat Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis Khatam Al-Quran ini juga bertujuan untuk meningkatkan semangat dalam pembacaan Al-Quran selain mendekatkan diri kepada-Nya.

Juga hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Diraja dan Ahli MMN, Yang Behormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal; Ahli-Ahli Yang Berhormat MMN dan pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan MMN.



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib (dua, kiri) semasa mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bertempat di kediaman Yang Berhormat di Kampung Jerudong.

KHEDN adakan khatam Al-Quran



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (tiga, kiri) ketika hadir pada Majlis Penutup Tadarus dan Khatam Al-Quran bagi bulan Ramadan 1437 Hijrah / 2016 Masihi yang berlangsung di Masjid Kampung Belimbang, Subok.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Jun. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) serta Jabatan Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Penutup Tadarus dan Khatam Al-Quran bagi bulan Ramadan 1437 Hijrah / 2016 Masihi.

Hadir mengetuai rombongan pada majlis yang berlangsung di Masjid Kampung Belimbang, Subok, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Sebelum Majlis Penutup Tadarus dimulakan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri terlebih dahulu menyerahkan sumbangan

derma kepada lapan orang anak yatim dari Kampung Belimbang.

Ini disusuli dengan Majlis Khatam Al-Quran dan bacaan Takhtim beramai-ramai diikuti dengan bacaan Tahlih dan Doa Selamat yang diketuai oleh Imam Masjid Kampung Belimbang.

Majlis tahunan berbentuk keagamaan yang dikendalikan oleh KHEDN dalam mendekatkan lagi hubungan silaturahim di antara kementerian dengan kepimpinan akar umbi dan penduduk mukim serta kampung di DBM.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk meraih manfaat, rahmat dan pahala yang berlipat kali ganda dalam bulan Ramadan yang penuh mubarak

ini.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Awang Haji Ghafor @ Haji Mohd. Daud bin Karim; Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Juga hadir penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di DBM, Ahli Jawatankuasa (AJK) Majlis Perundingan Kampung (MPK) Belimbang, AJK Takmir Masjid Kampung Belimbang dan masyarakat Kampung Belimbang.

Rombongan berkenaan juga mengadakan Majlis Bersungkai bersama AJK MPK serta para jemaah masjid Kampung Belimbang dan seterusnya menuaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam terima derma

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Jun. - Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam menerima sumbangan derma berjumlah BND340.90 dari Helmi Abdullah Fitness bertempat di Dar Takaful IBB Utama.

Sumbangan diterima oleh Ketua Sokongan Pembelajaran Pusat Ehsan, Lovella G Depala.

Bantuan merupakan hasil kutipan dari 'Charity Bootcamp' yang dianjurkan oleh Helmi Abdullah Fitness yang antara lain dihasilkan untuk membantu pembelajaran pelajar-pelajar berkeperluan khas terutamanya bagi kelas permulaan, pertengahan dan kelas atas.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam merupakan sebuah badan amal bukan kerajaan dan tidak berdasarkan keuntungan yang menyediakan pembelajaran khas, latihan, pemendidian dan perkhidmatan pemuliharaan anggota badan kepada insan-insan istimewa (kurang upaya atau berkeperluan khas) di Negara Brunei Darussalam.

Pada masa ini, seramai 163 penuntut istimewa berdaftar di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam Bengkung dan 53 lagi di Cawangan Pusat Ehsan di Kuala Belait.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam sentiasa mengalu-alukan syarikat-syarikat persendirian dan orang ramai untuk menyumbangkan sebarang derma ke pusat berkenaan.



JURULATIH Kecergasan dan Pengasas Helmi Abdullah Fitness, Awang Helmi Abdullah menyerahkan wang sumbangan untuk Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam yang diterima oleh Dayang Siti Nursyazwani binti Haji Shamsudin selaku wakil.

'Fastabiqul Khairat' bantu anak yatim, fakir miskin



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyempurnakan penyampaian derma kepada anak-anak yatim dan fakir miskin.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Sabtu, 18 Jun. - Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JKP), Kementerian Pendidikan buat julung kalinya mengungkayahkan sebuah Program Amal Kemasyarakatan 'Fastabiqul Khairat' Kementerian Pendidikan iaitu penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim dan fakir miskin.

Objektif utama Program 'Fastabiqul Khairat' yang bermaksud berlumba-lumba melakukan kebajikan ialah untuk memberi bantuan dan sumbangan kepada anak-anak yatim warga jabatan dan fakir miskin bagi penduduk sekitar bersempena menyambut awal Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri 1437 Hijrah.

Orang ramai telah dialu-alukan untuk memberi sumbangan derma dan dikumpulkan di JKP bermula 2 Mei hingga 30 Mei yang lalu.

Sehubungan itu, pagi tadi berlangsung Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Bagi Anak-Anak Yatim dan Fakir Miskin berlangsung di Dewan Utama, JKP, Bangunan Baru Kementerian Pendidikan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dr. Haji Junaidi bin Haji

Abdul Rahman dan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Azis bin Haji Nayan, selaku Pengurus dalam ucapananya berkata, buat julung kalinya, JPK melalui Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan bersama Badan Bijak mengendalikan satu Program Amal Kemasyarakatan bagi memberi bantuan kepada golongan anak-anak yatim warga jabatan dan golongan fakir miskin Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Perpindahan Lambak Kanan bersempena menyambut bulan Ramadan dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1437 Hijrah.

Menurutnya, program ini melibatkan ahli-ahli pasukan beruniform dan guru pengawas dari enam pasukan beruniform yang terdapat di sekolah-sekolah terdiri daripada Pasukan Kadet Tentera, Pasukan Kader Polis, Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat, Pasukan Pengakap, Pasukan Pandu Puteri dan Pasukan Bulan Sabit Merah.

Pasukan-pasukan ini tambahnya, dilibatkan bagi memberikan pendedahan dan pendidikan tentang nilai-nilai murni khususnya dalam memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan dan sambil beramal untuk mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Pihak jabatan terang beliau, telah membuat penilaian bahawa masih terdapat ruang yang luas dalam usaha untuk memberikan pendidikan nilai-nilai murni kepada ahli-ahli pasukan beruniform atau pelajar-pelajar.

"Semoga dengan pendidikan informal seperti ini akan dapat membantu memenuhi hasrat sistem pendidikan negara kita SPN21 iaitu ke arah memberikan pendidikan yang holistik kepada semua dan juga hasrat

menjadikan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini menjadi antara 10 negara terbaik dunia menjelang 2035," ujarnya.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim dan penerima khas serta penyerahan sumbangan derma kepada ketua-ketua pasukan untuk diagihkan kepada fakir miskin.

Pada majlis tersebut, seramai 12 orang penerima anak-anak yatim warga JPK, 12 orang penerima khas bagi pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan dan seramai 131 orang penerima dari golongan fakir miskin di sekitar RPN Kampung Perpindahan Lambak Kanan yang berdaftar di bawah Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menerima sumbangan masing-masing.

Sejurus majlis penyampaian di Bangunan Kementerian Pendidikan, pasukan-pasukan yang terlibat bersama sebahagian pegawai dan kakitangan JPK telah sama-sama menyampaikan sumbangan ke

rumah-rumah para penerima.

Tujuan projek adalah bagi merealisasikan hasrat JPK ke arah pembentukan Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan, mengajak warga Kementerian Pendidikan dan masyarakat awam dalam sama-sama membuat amal jariah dengan menghulurkan bantuan kepada anak-anak yatim warga JPK, fakir miskin Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Berakas 'B' dan mengumpul sumbangan berbentuk pakaian dan makanan yang boleh diberikan kepada sasaran bagi kesejahteraan dalam sama-sama melalui ibadah puasa pada bulan Ramadan dan juga menyambut ketibaan Hari Raya Aidilfitri.

Selain itu, ia juga untuk melatih warga ahli-ahli pasukan beruniform agar bergiat aktif dalam melakukan kerja-kerja amal dan kerja-kerja bergotong-royong serta mengeratkan silaturahim dalam kalangan ahli jawatkuasa, penderma, penerima derma dan warga Kementerian Pendidikan.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyempurnakan penyerahan sumbangan derma kepada ketua-ketua pasukan untuk diagihkan kepada fakir miskin.

Majlis bertahlil di Kubah Makam Diraja



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah semasa hadir pada Majlis Bertahlil Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Jun. - Kegiatan keagamaan terus diungkayahkan oleh pelbagai pihak dalam menyemarakkan Ramadan Al-Mubarak.

Acara membaca Surah Yaa Siin dan

Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis berkenaan adalah bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Mengetui rombongan yang dihadiri kira-kira 150 warga kementerian tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah.

Juga hadir, Setiausaha-Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan serta para pegawai dan kakitangan kementerian itu dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan doa dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Amin bin Haji Salim.

Terdahulu, Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Majlis Belia mengadakan majlis yang serupa.

Hadir pada majlis itu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Seramai 150 belia yang terdiri daripada persatuan-persatuan belia, alumni Program Khidmat Bakti Negara, Pusat Pembangunan Belia,

bekas peserta Program Belia Antarabangsa, pemohon peserta Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun 2016, sukarelawan Jabatan Pembangunan Masyarakat dan sebagainya.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Dr. Awang Haji



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa hadir pada Majlis Bertahlil Bahagian Belia di Kubah Makam Diraja.

Kementerian Pembangunan semarakkan bulan Ramadan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd Sahrizal Haji Said

RIMBA, Khamis, 16 Jun. - Sempena bulan Ramadan yang Mubarak, majlis-majlis keagamaan giat dan rancak dijalankan di negara ini bagi menyemarakkan lagi bulan yang penuh keberkatan.

Tidak ketinggalan mengadakan majlis seumpamanya ialah rombongan dari Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang mengadakan Majlis Bertadarus, Bertahlil dan Berbuka Puasa di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hujah Saleha, di sini.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah; Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Eddie bin Dato Paduka Paduka Haji Sunny; Setiausaha Tetap (Pentadbiran

dan Kewangan) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin.

Majlis dimulakan dengan penyampaian sumbangan wakaf berupa 30 biji rehal bagi keperluan masjid berkenaan yang disempurnakan oleh Menteri Pembangunan kepada Imam Masjid, Awang Haji Abidin bin Haji Matarshad.

Setelah itu, Majlis Bertadarus diteruskan dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh imam masjid dan diikuti dengan pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang dimulakan oleh Menteri Pembangunan.

Sejurus selesai bertadarus, majlis

diikuti dengan berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh imam masjid berkenaan.

Hadir sama menyertai majlis tersebut ialah ketua-ketua jabatan, ketua-ketua divisyen termasuk para pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya serta ahli-ahli takmir masjid dan para penduduk di sekitar kampung berkenaan.

Majlis seumpamanya adalah merupakan sebahagian daripada kegiatan keagamaan yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan bersempena dengan bulan Ramadan Al-Mubarak.

Acara yang sama juga akan diadakan di Masjid Kampung Bengkurong pada 21 Jun 2016 dan Majlis Khatam Al-Quran pula diadakan pada 25 Jun 2016 bertempat di Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Kampung Tamoi.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah (kanan) semasa membaca ayat-ayat suci Al-Quran di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hujah Saleha.

Warga TAIB bertahlil di Kubah Makam Diraja

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Jun. - Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) berserta anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Sdn. Bhd. (IITSB) dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd. (DHSB) mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Kubah Makam Diraja, di sini.

Antara yang hadir ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengarah Lembaga Pengarah TAIB.

Juga hadir, Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar yang juga selaku Pengurus Jawatankuasa Penasihat Syariah TAIB; Pemangku Pengarah Urusan, Awang Haji Rosdi Amin bin Dato Paduka Haji Ya'akub serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah TAIB, pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB, IITSB dan DHSB.

Bacaan Tahlil dan doa dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Hanafi bin Haji Zaini.

Majlis yang diungkayahkan ini merupakan acara tahunan Perbadanan TAIB bersempena menyambut bulan Ramadan yang mulia ini.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengarah Lembaga Pengarah TAIB (dua, kanan) semasa hadir pada Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja.

Musabaqah ABDB pupuk, terap minat Al-Quran



PEMANGKU Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Brigadier Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud (kiri) menyampaikan hadiah kepada johan qari Pertandingan Akhir Musabaqah Tilawah Al-Quran Bagi Peringkat ABDB sempena Hari Ulang Tahun ABDB Ke-55 Tahun, 18831 Lans Koperal Udara Musa bin Haji Sahat dari Tentera Udara Diraja Brunei.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BERAKAS GARISON, Jumaat, 17 Jun. - 18831 Lans Koperal Udara Musa bin Haji Sahat dari Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) dan 20854 Koperal Hajah Rubiah binti Haji Dagang dari Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) masing-masing muncul johan qari dan qariah pada Pertandingan Akhir Musabaqah Tilawah Al-Quran Bagi Peringkat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sempena Hari Ulang Tahun ABDB Ke-55 Tahun.

Naib johan peserta qari diraih oleh 18032 Koperal Nazirul bin Haji Asmat dari Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) dan tempat ketiga diraih oleh 16979 Koperal Pengiran Haji Kamarul Sarip bin Pengiran Haji Serpuddin juga dari KEMENTAH.

Manakala naib johan qariah dimenangi oleh 1108 Leftenan Auni' Afifah @ Yumni binti Haji Ali Hassan dari Akademi Pertahanan dan tempat ketiga dimenangi oleh 1154 Leftenan (U) Nur Hasinah binti Haji Rosli dari TUDB.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Pemerintah ABDB, Brigadier Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.



SEBAHAGIAN daripada pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB, IITSB dan DHSB yang hadir.

Majlis yang berlangsung di Dewan Pahlawan, Perkhemanan Berakas ABDB itu turut dihadiri oleh Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera dan Angkatan Bersama, pegawai-pegawai kanan dan jemputan khas serta seluruh warga Angkatan Tentera ABDB.

Seramai 23 anggota telah menyertai pertandingan pada tahun ini yang mana dari peserta qari seramai 12 anggota dan peserta qariah seramai 11 anggota dan hanya 10 peserta yang layak mara ke peringkat akhir.

Antara objektif pertandingan adalah untuk mendidik dan memupuk bakat

membaca Al-Quran dalam kalangan peserta serta menerapkan minat dalam bidang Al-Quran bagi melahirkan qari dan qariah untuk pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Di samping itu, ia juga merupakan sebahagian dari usaha keagamaan ABDB untuk memastikan semua anggota beragama Islam dapat membaca Al-Quran dan menjadikan amalan membaca Al-Quran sebagai sebahagian dari kehidupan sehari-hari mereka.

Majlis tahun ini dikendalikan oleh TUDB.

Kementerian Kesihatan semarakkan Ramadan di Hospital PMMPMHAMB

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Khamis, 16 Jun. - Bulan Ramadan adalah bulan yang penuh dengan keberkatan dan kebaikan, di mana semua umat Islam di seluruh dunia digalakkan untuk memperbanyakkan amal ibadah bersedekah dan bertadarus.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan meneruskan lagi Majlis Bertadarus yang diselajurkan dengan Penyampaian Sumbangan Derma Kepada Anak-Anak Yatim dan Pesakit Kebajikan Perubatan bagi Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB), Tutong bertempat di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kampung Kiudang, Tutong, di sini.

Mengetuai rombongan ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Majlis dimulakan dengan tadarus Al-Quran, diikuti dengan penyampaian derma kepada sembilan orang anak yatim warga perkhidmatan Hospital PMMPMHAMB, Tutong serta pengagihan sumbangan kepada 10 orang pesakit di bawah pengendalian Unit Kebajikan

Perubatan Hospital PMMPMHAMB, Tutong.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Guru Agama Hospital PMMPMHAMB, Tutong, Pengiran Radiman bin Pengiran Haji Tengah dan diikuti dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan berbuka puasa.

Acara sedemikian adalah antara acara-acara tahunan Kementerian Kesihatan yang bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh rahmat ini, selain mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara warga Kementerian Kesihatan dan warga Hospital PMMPMHAMB, Tutong.

Majlis Bertadarus merupakan kesinambungan bagi kunjungan rombongan Kementerian Kesihatan ke daerah-daerah bagi keempat-empat hospital kerajaan di Negara Brunei Darussalam secara bergilir di sepanjang bulan Ramadan bagi tahun ini.

Hospital PMMPMHAMB, Tutong merupakan hospital keempat dan terakhir mengadakan majlis tersebut.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi (tengah) mengetuai rombongan Kementerian Kesihatan pada Majlis Bertadarus tersebut.

Tadarus KHEDN bersama masyarakat



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali (dua, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tadarus Al-Quran Bulan Ramadan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung berserta rombongan KHEDN dan di jabatan-jabatannya Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi.

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Khamis, 16 Jun. - Aktiviti bertadarus Al-Quran pada bulan Ramadan merupakan salah satu aktiviti keugamaan tahunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya dalam meraih kemanfaatan dan pahala pada bulan Ramadan, di samping memakmurkan masjid-masjid bersama penduduk-penduduk kampung.

Majlis Tadarus Al-Quran Bulan Ramadan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung berserta rombongan KHEDN dan di jabatan-jabatannya Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi diteruskan lagi ke Daerah Belait, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan

Liang, Daerah Belait.

Tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali, selaku Ketua Rombongan KHEDN.

Hadir sama ialah Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah Belait, Pegawai Daerah Belait, ketua-ketua jabatan di KHEDN, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatannya, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di Daerah Belait, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan

jemaah masjid serta masyarakat kampung berdekatan.

Majlis Tadarus Al-Quran tersebut diselajurkan dengan Majlis Tahsil dan Doa Arwah diikuti dengan penyampaian sumbangan derma kepada 23 orang anak yatim bagi Kampung Sungai Liang dan sumbangan bagi keperluan masjid berkenaan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Antara lain, majlis adalah salah satu usaha kementerian dalam mendekatkan lagi hubungan silaturahim di antara kementerian dengan kepimpinan akar umbi dan penduduk mukim dan kampung di daerah ini.

Hasrat peluk agama Islam tertunai

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

MUKIM BERAKAS, Khamis, 16 Jun. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) setakat ini mencatatkan seramai 190 orang memeluk agama Islam di seluruh negara di mana seramai 78 orang daripada jumlah tersebut memeluk agama Islam di Daerah Brunei dan Muara (DBM), sejak Januari hingga April 2016.

Daripada rekod tersebut, ia menandakan Cahaya Islam di Negara Brunei Darussalam terus bersinar dan jumlah saudara-saudara baharu Islam di negara ini terus meningkat dari semasa ke semasa.

Jumlah masyarakat Islam di negara ini bertambah lagi dengan kehadiran seorang saudara baharu apabila seorang lelaki berbangsa Filipina melaikatkan dua kalimah syahadah dan ikrar pengakuan pengislaman di hadapan Pegawai Pengislaman PDI.

Majlis Pengislaman Rolando Punzalan Lescano yang memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Nuralif bin Abdullah Lescano berlangsung di kediaman Awang Murati bin Ladiman di Kampung Delima Satu, di sini.

Majlis turut diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai kepada saudara baru yang diraikan.

Awang Muhammad Nuralif, 42, ketika ditemui bual oleh Pelita Brunei berasa terharu dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana niat untuk menganuti agama Islam yang suci itu akhirnya dimakbulkan Allah Subhanahu Wata'ala pada bulan Ramadan ini.

Beliau seterusnya berhasrat untuk terus mendalami agama Islam ini dengan mempelajari pelbagai bidang agama termasuk sembahyang, puasa dan sebagainya.



MAJLIS Pengislaman Rolando Punzalan Lescano berbangsa Filipina telah memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Nuralif bin Abdullah Lescano.

Kementerian Pendidikan bertadarus di Sekolah YSHHB



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (tengah) menyempurnakan penyampaian wakaf kepada Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB, Awang Noorhaizamdin bin Haji Mohd. Mosbi (kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 16 Jun. - Kementerian Pendidikan meneruskan lagi Majlis Tadarus sempena bulan Ramadan 1437 Hijrah / 2016 Masihi dan kali ini diadakan di Dewan Serbaguna, Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Hadir pada majlis itu ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman; Ketua Pengarah Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahim bin Derus; pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom disusuli dengan bacaan paialah yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala.

dipimpin oleh Awang Noorhashim bin Kasim.

Pada majlis tersebut, Kementerian Pendidikan turut menyumbangkan wakaf berupa sebuah almari, segulung sejada panjang, 15 buah rehal dan tiga biji kontena serbaguna yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB, Awang Noorhaizamdin bin Haji Mohd. Mosbi.

Majlis Tadarus ini merupakan acara tahunan Kementerian Pendidikan dan pada tahun ini ia dikendalikan bersama oleh Jabatan Sekolah-Sekolah, Bahagian Pengajian Tinggi dan Bahagian Pendidikan Swasta.

Ia antara lain bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadan dengan memperbanyak amal ibadat termasuk tadarus Al-Quran, di samping untuk mendapatkan ganjaran paialah yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Tanam minat mualaf dalam pembacaan Al-Quran

Berita dan Foto : Noraishah Muhammed

MELILAS, Rabu, 15 Jun. - Rombongan dari Bahagian Pembangunan Mualaf dengan kerjasama Unit Da'wah, Pusat Da'wah Islamiyah (PDI) Belait telah mengungkayahkan aktiviti bertadarus dan Sembahyang Tarawih dan Witir bertempat di Balai Ibadat Kampung Melilas Ulu Belait.

Hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof bersama Pemangku Penolong Pengarah PDI, Awang Abd. Aziz bin Haji Abd.

Kahar.

Antara objektif majlis ialah untuk memberi pendekatan kepada mualaf setempat bagi menghayati bulan Ramadan dan apa jua yang berhubung kait dengan keistimewaan dalam bulan Ramadan.

Di samping itu, ia juga sebagai salah satu langkah untuk mengajak mualaf menanam minat dalam pembelajaran dan pembacaan Al-Quran sekali gus dapat menerapkan ajaran-ajaran Islam dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Pada masa yang sama, aktiviti tersebut juga adalah satu usaha

dalam membantu mempertingkatkan mutu bacaan mualaf dalam menggalakkan para mualaf untuk melibatkan diri mengikuti aktiviti-aktiviti berafaedah pada bulan Ramadan.

Dengan adanya usaha-usaha tersebut ia dihasratkan untuk menghidupkan malam-malam di sepanjang bulan Ramadan di setiap masjid, surau, balai-balai ibadat dan pos dakwah serta rumah-rumah yang menjalankan kegiatan ugama.

Usaha-usaha tersebut juga dihasratkan agar para mualaf melazimkan diri untuk menghadirkan diri ke majlis-majlis pada bulan Ramadan dan sama-sama mengimarahkan masjid.



SEMBAHYANG Farud Isyak Berjemaah dan Sembahyang Tarawih serta Witir bersama mualaf yang diadakan di Balai Ibadat Kampung Melilas Ulu Belait diimamkan oleh Ketua Unit Da'wah Daerah Belait, Awang Haji Roslan bin Haji Ratu.

Kementerian Pertahanan beri sumbangan derma

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Jun. - Seramai 68 anak

yatim yang terdiri daripada ahli keluarga para pegawai dan kakitangan

HALUAN

Pelajar perlu inovatif, berkemahiran

Dari muka 2

Saya juga percaya kita perlu menolak sempadan dengan mencabar andaian tradisional, kita perlu memberi pelajar peluang untuk melakukan semua perkara itu dan kita pula memerlukan perubahan dan mungkin menghadapi rintangan kepada perubahan. Kita mesti bersedia untuk melakukan yang terbaik dalam melakukan segala-galanya yang diperlukan untuk membuat perbezaan yang ketara dalam kehidupan pelajar. Kita perlu mengubah cara membentangkan kurikulum dan kandungan untuk menambah baik kaedah pengajaran, untuk menjadi inovatif, kreatif dan berdaya tahan kerana kita tahu bahawa pengajaran adalah lebih

daripada pekerjaan, dan kita perlu membuat penyelaras dan perubahan kerana pelajar kita hari ini adalah berbeza. Mereka adalah anak-anak masa depan digital.

Kesimpulannya, saya ingin mengambil peluang ini untuk meneruskan ucapan tahniah saya kepada Politeknik Brunei kerana menganjurkan platform berharga ini untuk pendidik-pendidik berhubung, berkongsi dan belajar. Saya berharap awda semua memperolehi manfaat dan menghasilkan perubahan daripada pandangan-pandangan dan idea-idea.

Dengan kalimah Bismillahir Rahmannir Rahim, saya rasmikan Simposium Antarabangsa Politeknik Brunei Ke-2 2016.

Wassalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarkatuh.

Kementerian Pertahanan telah menerima sumbangan derma dalam Majlis Penyampaian Derma berlangsung di Surau Kementerian Pertahanan di Bolkiah Garison.

Hadir menyampaikan derma berupa wang tunai kepada anak-anak yatim berkenaan, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Datin Paduka Hajah Suriyah binti Haji Umar selaku tetamu kehormat majlis.

Manakala derma berupa bungkus hadiah mengandungi makanan

disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar Pertahanan dan Pembangunan), Awang Abu Sufian bin Haji Ali.

Derma tersebut hasil sumbangan daripada pegawai-pegawai dan kakitangan awam Kementerian Pertahanan.

Terdahulu majlis dimulai dengan bacaan Tahli dan Doa Selamat beramai-ramai yang dipimpin oleh Penolong Pegawai Ugama di Bahagian Ugama, Jabatanarah

Pentadbiran dan Tenaga Manusia Kementerian Pertahanan, Awang Haji Ariffin bin Tuah.

Acara kemudian diteruskan dengan majlis penyampaian derma kepada anak-anak yatim yang hadir.

Majlis tersebut acara tahunan Kementerian Pertahanan pada bulan Ramadan bagi membantu anak-anak yatim bagi membuat persediaan Hari Raya.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah pengarah-pengarah awam,



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pertahanan, Datin Paduka Hajah Suriyah binti Haji Umar selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Derma kepada salah seorang anak yatim.

Tinjau perkembangan IMT di Mindanao



PEMERINTAH Angkatan Besenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah memeriksa kawalan kehormatan dari 6th Infantry Division (6ID) Angkatan Bersenjata Republik Filipina.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

REPUBLIK FILIPINA, Khamis, 16 Jun. - Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah telah membuat lawatan rasmi selama dua hari ke Mindanao bagi meninjau perkembangan Pasukan Pemantau Antarabangsa (International Monitoring Team - IMT) di sana.

Yang Dimuliakan Pehin disertai oleh Pesuruhjaya Polis Negara Brunei Darussalam, Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam.

Ketibaan Pemerintah ABDB dan

Pesuruhjaya Polis di Awang Airport, Bandaraya Cotabato, Mindanao dialu-alukan oleh Pemerintah 6th Infantry Division (6ID) Angkatan Bersenjata Republik Filipina, Brigadier General Edmundo R Pangilinan dan para pegawai kanan dari 6ID. Di sini Yang Dimuliakan Pehin menerima tabik hormat dan kemudiannya memeriksa Kawalan Kehormatan dari 6ID.

Ketika berada di Mindanao, Pemerintah ABDB telah melihat lebih dekat kemajuan pasukan IMT terutama kesejahteraan lapan anggota ABDB dan seorang anggota pasukan Polis Diraja Brunei yang ditempatkan

di sana sejak bulan September 2015.

Sempena lawatan ke Ibu Pejabat IMT, Pemerintah ABDB dan Pesuruhjaya Polis juga mengadakan perjumpaan dengan Ketua Misi IMT, Mejar Jeneral Datuk Wira Zamrose bin Mohd Zain dan kemudiannya diperkenalkan kepada anggota IMT dan seterusnya diberi penerangan mengenai situasi terkini di Mindanao sejurus sebelum melawat Kontinen IMT Brunei Darussalam.

Pemerintah ABDB dan Pesuruhjaya Polis Negara Brunei Darussalam juga seterusnya mendengarkan taklimat ringkas dari Ketua Kontinen IMT Brunei Darussalam, Lettenan Kolonel Azman bin Haji Bangkol.

Semasa lawatan tersebut,

Pemerintah ABDB dan rombongan juga berpeluang mengagih-agihkan sumbangan berupa Al-Quran dan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan khusus bagi masyarakat Islam setempat, yang berlangsung di Masjid Utama, Mindanao. Ketibaan rombongan Pemerintah ABDB di sini dialu-alukan oleh bekas wakil rakyat, Didagen Dilangalan dan Jawatankuasa Dakwah dan Hal Ehwal Masjid Bandaraya Cotabato, Ustaz Nhorul-am Abdulla.

Pemerintah ABDB dan Pesuruhjaya

Polis dan rombongan juga berkesempatan berbuka puasa dan melaksanakan Solat Tarawih dan bersahur bersama kontinen Brunei.

Sejak penyertaan anggota tentera ABDB dan pasukan beruniform Brunei ke IMT buat kali ke-12, iaitu sejak tahun 2004, Negara Brunei Darussalam terus memainkan peranan bagi menyediakan bantuan ke arah keamanan dan kestabilan rantau ini.

Misi IMT di Mindanao telah banyak memberikan pengalaman operasi yang bermanfaat bagi kedua pasukan ABDB dan Pasukan Polis Diraja Brunei di mana sehingga kini ABDB telah menghantar 130 anggota untuk menyertai misi memantau keamanan.



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih (duduk, tengah) dan Pesuruhjaya Polis Negara Brunei Darussalam, Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam (duduk, empat dari kiri) bergambar kenangan bersama beberapa orang anggota Kontinen IMT Brunei Darussalam yang diketuai oleh Lettenan Kolonel Azman bin Haji Bangkol.

Brunei ambil bahagian dalam PISA 2018



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengajaran Tinggi) Kementerian Pendidikan, Profesor Madya Dr. Haji Azman bin Haji Ahmad (kiri) dan Pengarah Pendidikan dan Kemahiran, dan Penasihat Khas mengenai Dasar Pelajaran kepada Ketua Setiausaha, Encik Andreas Schleicher (kanan) selepas menandatangani perjanjian semasa 41st PISA Governing Board Meeting.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Jun. - Ke arah Strategi Pendidikan Wawasan Brunei 2035, Kementerian Pendidikan sentiasa bergerak ke arah mempersiapkan belia dalam persediaan alam pekerjaan dan pencapaian dunia yang semakin kompetitif yang berdasarkan pengetahuan.

Inisiatif-inisiatif yang diambil oleh kementerian adalah bertujuan untuk memenuhi matlamat negara dalam menghasilkan modal insan yang

berpendidikan dan berkemahiran tinggi seperti yang diukur oleh piawaian antarabangsa.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan telah mengenal pasti Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (Programme for International Student Assessment - PISA)

sebagai salah satu program untuk mengukur prestasi pelajar di Brunei Darussalam dari masa ke masa dan membandingkan mereka dengan rakan-rakan mereka

di negara-negara lain.

PISA adalah satu kajian antarabangsa yang dijalankan oleh Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD) yang bertujuan untuk meneroka sejauh mana pelajar pada akhir pendidikan wajib boleh menggunakan dan menguasai pengetahuan mereka untuk situasi kehidupan sebenar.

PISA diadakan setiap tiga tahun sejak tahun 2000, dan setakat ini, lebih daripada 70 negara di seluruh dunia telah menyertainya.

Kajian sebelum ini telah mendapat bawaan terdapat korelasi antara kedudukan tinggi dalam PISA dan prestasi tinggi ekonomi negara.

Dengan cara ini, penyelidik telah membuat kesimpulan bahawa PISA boleh digunakan sebagai salah satu penunjuk sistem pendidikan dan menyediakan pelajar dalam pengetahuan ekonomi global Abad Ke-21.

Dalam jangkaan penyertaan kali pertama Brunei dalam PISA pada tahun 2018 akan datang, Kementerian Pendidikan telah memulakan beberapa kerja-kerja awal seawal tahun 2014 dengan menujuhkan sebuah Pasukan Petugas PISA di peringkat kementerian, yang menyelia penyelaras dan pelaksanaan PISA di Brunei.

Selaras dengan persediaan ini, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan beberapa inisiatif strategik seperti Inisiatif Sekolah Pendidikan Rendah, Inisiatif Pendidikan Menengah, Standard Literasi dan Numerasi, Standard Tenaga Pengajar Brunei dan Pengajaran serta Reka Bentuk Pembelajaran Abad Ke-21.

Kejayaan inisiatif ini sangat bergantung pada usaha padu antara pelbagai jabatan di Kementerian Pendidikan, sekolah-sekolah, para guru, ibu bapa dan masyarakat.

Penyertaan Brunei Darussalam dalam PISA 2018 telah dirasmikan dengan menandatangi perjanjian

dengan OECD semasa 41st PISA Governing Board Meeting, yang berlangsung di Ibu Pejabat OECD di Paris pada 14 Jun 2016 lepas.

Menandatangani bagi Negara Brunei Darussalam ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajaran Tinggi)

Kementerian Pendidikan, Profesor Madya Dr. Haji Azman bin Haji Ahmad, manakala OECD telah diwakili oleh Pengarah Pendidikan dan Kemahiran, dan Penasihat Khas mengenai Dasar Pelajaran kepada Ketua Setiausaha, Encik Andreas Schleicher.

Imbangan Perdagangan negara mencatat BND195.9 juta

Siaran Akhbar :
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Jun. - Pada April tahun ini, Imbangan Perdagangan negara adalah sebanyak BND195.9 juta.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), jumlah eksport bernilai BND512.3 juta, manakala import bernilai BND316.4 juta.

Eksport Bahan Api Galian mencatatkan sumbangan tertinggi bernilai BND455.3 juta dari jumlah eksport, diikuti oleh Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (BND21.1 juta) dan Bahan-bahan Kimia (BND17.3 juta).

Eksport utama negara mencatat BND455.3 juta yang terdiri dari Minyak Mentah berjumlah BND185.9 juta dan Gas Cecair Asli (LNG), BND269.4 juta.

Pasaran eksport terbesar adalah negara Jepun dengan 24.2 peratus dari jumlah eksport, diikuti oleh Republik Korea (18.1 peratus), India (13.6 peratus) dan Thailand (10.8 peratus).

Import barang menurun sebanyak 10.7 peratus daripada BND354.3 juta (Mac 2016) kepada BND316.4 juta pada bulan April 2016.

Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan mencatatkan sumbangan tertinggi bernilai BND92.1 juta dari jumlah import, diikuti oleh Barang-barang Keluaran Kilang (BND71.9 juta) dan Makanan (BND49.5 juta).

Import terbesar adalah dari negara Malaysia sebanyak 20.1 peratus dari jumlah import, diikuti oleh Singapura (17.0 peratus), Amerika Syarikat (13.0 peratus) dan China (11.4 peratus).

Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa (International Merchandise Trade Statistics - IMTS) bagi Negara Brunei Darussalam menggunakan 'General System' bagi merekodkan perangkaan perdagangan yang meliputi import, eksport domestik dan eksport semula.

Laporan penuh IMTS bagi April 2016 boleh didapati melalui laman sesawang JPKE di www.depdt.gov.bn.

سُرِّ الدُّنْيَا

نَزَولُ الْقُرْءَانِ

مسنارا باکی اور غیغ تیدق فنداي مباج القراءان دعن الامان اف جوا
تون، سکراله بلاجر، قد ماں این تله باق کمودهن بع تله دسدياکن انتوق
مقلاجری القراءان سفترت کلس القراءان دمسجدد ۲۴، سکوله ۲۴ دان سماکین.
ف بع فتیع إیاله کماهوان دان کعزم انتوق مقلاجرین دمي کبایکن
مستدیری جوا.

هل جمعة يغدر بحمى الله،

الحمد لله، دنكارا كيت ترأوْتام دالم بولن رمضان اين بايق اكتبيسيي
اككمان داداكن سفتر فُروْ كريم تلرس القرءان، مجلس ختم القرءان دان
سياساكن. اكتبيسيي سفتر اين اكن مندوروغ ديري كيت انتوق ليه دكة
لاكي دغٌن القرءان. كهوليه بهوا كنجاردن برتدرس القرءان مساغة بايق
سياساكمان حديث رسول الله صلي الله عليه وسلم رواية أبو هريرة رضي الله عنه:

بها رسول الله صلی الله علیه وسلم بر سردا: دان تدق بركه مقول
ساتو قوم دسوات رومه درقد رومه ۲ الله (مسجد) مریک ایت میاج
نقرعان دان سالیغ بر تداروس افتارا مریک ملاینکن دنورونکن کائس مریک
کننگ، دسلوبوغی رحمة، دکلیلیغی فارا ملاتکه دان مریک دسیبوت ۲ الله
لد سیاف دسیسین. { رواه الإمام مسلم }

مسلمین بیغ در حمین الله،
دغش بر ادان کیت دبولن رمضان این ماریله کیت مریوت فلواع انتوق
ندند میغیعی القراءان، مفلاجری دان مندلالي علّم ۲ ددلمن. دهارف اکتبیسی
کاکمأن اکن ترسوس دلاکن بوکن سهاج دبولن رمضان بهکن فد بولن ۲
لغ لاین لیه ۲ لاکی دالم او سها کیت انتوق منجادیکن نکارا کیت سباکی
نکارا ذکر، دان نکارا بیغ بایک، امان دان معمور سرت منداقة قشمغون
برقد الله سیحانه و تعالی، یا بیت یَلْدَةَ طَبِيَّةً وَرَبِّ غَفُورٍ .

دان القرعان اين إياله كتاب يغ كامي تورونكен كفند نبي محمد صلی الله عليه وسلم يغ ديركتي مك ايكتوريه اي دان برتفوی له سفای کامو حجت. { سیدة الأئماع آیة: ۱۵۵ }

القرءان ادله سنجات يغ فالیع مُحَرَّب يغ مليمقة رواه، ددلمن قنه
عن نور هدايه، رحمة دان ذكر. مباجن جوک مبروفاكن ساتو عياده سرت
ملقنساكن حکوم ددلمن ادله ساتو کفروضوان. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم
سورة پونس، آية ٥٧

وافي مأنسي! سیغکوهن تله داتع کند کامو القرغان يغ منحادي
نقاچران درقد توهن کامو دان اوپه قېمبەه باكى فېاكتىت باطن يغ اد ددالم
دادا دان فەتحوق سرت رحمة باكى اور غ ۲۶ يغ بېلەمان.

مك، برأونتو غله اور غيغ مهاج القرغان ايت دان منجاد يكشن سباكي
عمالن هارين، تيدق كيرزا دبولن رمضان اتو قون قد هاري ۲ بياس. اداله ليه
جايائل جلث أية ۲ القرغان ايت دفاهمي، انتوق دامبيل قماجران درقد كندوغن
دان آجاران. قد ملس اين كمودهن انتوق ماهامي كندوغن القرغان ايت
سلامين ملالويء يبركورو إباليه جوك دغۇن مهاج كتاب ۲ اتو بوكو ۲ تفسير
يېغ موده ددافتى، بهكىن ملالويء افليكاسى تيلقۇن يېمىت دان جوك
إلىسترنېت ملاالرىءى وېب يېغ دەفر جىياتى.

رسنگوهن میاج القراءن تردافت باقی فضیلتان. اثاران، سباکیمان
سبدا رسول الله صلی الله علیه وسلم دام سیواه حدیث درقد ابن مسعود
رضی الله عنہ:

برغشیاف میاج ساتو حروف درقد کتاب الله (القرآن)، مک
باکین ساتو کجیحق، دان ساتو کجیحق میامای دعن سقولوه. اکو تدقیق
معاقاتکن ام ایت ساتو حروف تئانی ألف ساتو حروف، لام ساتو حروف
دان ممه ساته حروف. { واه الامام الـ مدـ ز }

بایغکن، بناف باپق فهلا يغ كيت دافه جك كيت عمالكن بجان
قرعاء ايت. ساتو حروف سوده كيت دافه ساتو فهلا، افه لاكي جك
كيت مباج ساتو موک سورة اتوفون ساتو جزء، اتوفون مباج القرعاء
مهېېغىل ختم، تنتوله له باپق لاكي فهلا يغ كيت فرأوليبيه.

مك امبيل له فلواع مرايه فهلا ايت والو سسيويق مان قون كيت
عن أورومن دنيا، حاغنله مسکالی كيت لوفا اتو تيدق ملوانگKen ماس
تنتدق ميماج القباء والوقن مسقدر بهاف آية دالم سهاي.

مسلمین يغ در جهتی الله،
ماریله کیت منیعکنکن کتقرآن کیت کند الله سیحانه و تعالی دغۇن
قۇوه کيچىن دان گلاخلاصن دغۇن ملاکوکن سکل سوروھن دان منیعکلکن
سکل لاراغۇن. مەھمداھن کیت منجادىي إنسان يغ بېیمان دان بىرئقوى
سرت سلامة دىدۇيا دان سلامة دآخرە.

مسلمین يعْ درحمني الله،
رمضان اداله بولن يعْ إيستيميووا کران کنجارن فهلا ملاکوکن عمل
عبادة قد بولن این اکن دلیفتکنداکن. بولن رمضان منجادی لبه إيستيميووا
کران ددالمن تله برلاکو ساله ساتو فرایستيو يعْ فالیغ برسحارة دالم كالاغن
أومة إسلام يابت تورونن القرعان كفڈ بکندا رسول الله صلی الله علیه
وسلم.

فرایستیوا این دکنلی سپاککی "نزول القراءان" يبغ تله بولاکو فد ١٧
رمضان. فتوروون اين بولاکو دعنه توحوان انتوق ممبوقيتكن كبيغكين الله
سبحانه وتعالى. القراءان مروفاكن ساله ساتو معجزة أكوع يبغ ديري肯 كفدر
رسول الله صلى الله عليه وسلم. القراءان دتورونكен كفدر رسول الله صلى
الله عليه وسلم سجحارا برأنسور ٢ ملالوى فرأتارأن ملاوكة جبريل عليه
السلام سلاما ٢٣ تاهون يأيت ١٣ تاهون دتورونكен دمكه دان ١٠ تاهون
دمدينه. آية يبغ مولا ٤٢ سكالي دتورونكен اداله ليم آية درفدت سورة العلق:

باچله واهي نيء محمد دعن مېبوبت نام توهنemo يغ منجیقتاکن سکلین
خالقون. دي تله منجیقتاکن مائنسی درف د سکومقل داره بکو. باچله، دان
توهنemo مها قموره. يغ مقاجر مائنسی مولیس دعن قلم (فينا). دي مقاجر
مائنسی اف يغ تیدق دکتهوين.

القراءان دتورو نکن سپاکی فکعن، قلیومن دان فتنجوق بوان سکلابن
مانسی اکر هیدوف سجهزا، آمان، تبزام دان سلامه ددنیا دان دآخرة. اوله
یغ دمکبن، اداله منجادی کواچن کیت اتوق ملیهارا، منحلاک دان
مفتر تاهنکن کسوجن دان کبزانه هیفك کاخر زمان.

فرمان الله سبحانه وتعالى دام سورة البقرة آية ١٨٥:

شیخ

مس يغ دواچکن کامو برقواس ایت إیاله قد بولن رمضان يغ
تورونکن فدان القرعان سباکي شتحوق كفڈ مائسي دان سباکي كوغعن ۲
غ منجلسکن شتحوق ایت دان منجلسکن فرييانه انتارا يغ بنر دغۇن يغ

Pegawai, kakitangan wanita KHEU serta Majlis Khatam Al-Quran



ISTERI Timbalan Menteri Hal Ehwel Ugama, Datin Hajah Zalina binti Haji Omar (depan, enam dari kanan) dan sebahagian daripada pegawai dan kakitangan wanita Kementerian Hal Ehwel Ugama membaca Doa Khatam Al-Quran.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

MADANG, Sabtu, 18 Jun. - Bagi sama-sama menyemarakkan bulan suci Ramadan, Kementerian Hal Ehwel Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi pegawai dan kakitangan wanita kementerian

berkenaan berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah isteri Timbalan Menteri

Hal Ehwel Ugama, Datin Hajah Zalina binti Haji Omar.

Majlis Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dipimpin oleh Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Rosita binti Haji Yahya disusuli dengan bacaan surah-surah lazim oleh pegawai-pegawai Jabatan Pengajian Islam.

Majlis diikuti dengan bacaan Takhtim Al-Quran secara beramai-ramai dan bacaan Doa Khatam dibacakan oleh Dayang Siti Huzaimeh Yadi binti Haji Rosli, manakala Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Dayang Hajah Norsinah binti Haji Hussin.

Majlis merupakan salah satu projek

tahunan kementerian dengan tujuan untuk mengerakkan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEU dengan Kumpulan Muslimah-Muslimah Masjid serta sebagai salah satu usaha untuk memakmurkan masjid dan bersama-sama meningkatkan amal ibadat pada bulan Ramadan.

Tingkatkan penghayatan terhadap Al-Quran

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ah Chua

TEMBURONG, Sabtu, 18 Jun. - Meskipun umat Islam ketika ini sibuk meraikan kedatangan bulan Ramadan, namun acara-acara bagi

menyemarakkan dan memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

ITQSHHB buka pengambilan pelajar baharu

Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwel Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Jun. - Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) kini membuka taruhan bagi pengambilan pelajar-pelajar baharu (peringkat menengah Tahun 7) bagi Sesi 1438 Hijrah / 2017 Masihi bermula 18 Jun hingga 18 Ogos 2016.

Syarat-syarat utama permohonan ialah hendaklah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap, manakala bagi yang bukan rakyat (ibu / bapa yang bertugas di Negara Brunei Darussalam), boleh juga memohon dengan menghadapkan surat permohonan khas kepada Lembaga ITQSHHB melalui pengetua institut.

Para pemohon mestilah berumur tidak melebihi 14 tahun pada 1 Januari 2017 atau berada dalam Tahun 6 pengajian pada tahun 2016 dan lulus Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) atau yang setaraf dengannya.

Manakala bagi syarat-syarat umum pula, para pemohon hendaklah lulus temu duga iaitu berkemampuan membaca Al-Quran dengan baik dan lancar semasa temu duga, mampu menghafaz ayat-ayat Al-Quran tidak kurang 10 baris dalam tempoh masa 45 minit semasa temu duga dan boleh membaca dan menulis Jawi dengan baik dan lancar.

Para pemohon juga perlu mempunyai pengesahan rekod kelakuan baik daripada pihak sekolah, berkesanggupan tinggal di asrama sepanjang tempoh pengajian dan mematuhi peraturan-peraturan ITQSHHB di mana kejayaan pemohon adalah tertakluk kepada keputusan Lembaga ITQSHHB.

Borang tawaran bolehlah diperoleh di Pejabat Pentadbiran, ITQSHHB, Simpang 175, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan BA2112, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup permohonan adalah pada 18 Ogos 2016.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenainya bolehlah menghubungi Bahagian Pendaftaran, ITQSHHB melalui talian +673 2222090 / +673 2222093 / +673 2222096 sambungan 206 / 229 / 230 dan 231.



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Md. Amir Hairil bin Awang Haji Mahmud (dua, kanan) ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Pertandingan Menghafaz Surah-Surah Pilihan berserta Pemahaman di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun tetap dijalankan.

Salah satu darinya ialah Pertandingan Menghafaz Surah-Surah Pilihan berserta Pemahaman, berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar di sini.

Sebanyak enam kategori dipertandingkan di mana Kategori 'A' (Kanak-Kanak Lelaki) dimenangi oleh Awang Mohd. Syafiq Sahiran bin Mohd Naspawadi, manakala Kategori 'B' (Kanak-Kanak Perempuan) dimenangi oleh Dayang Latifah Hanini binti Haji Md. Jini.

Kategori 'C' (Remaja Lelaki) pula dimenangi oleh Awang Muhammad Syafiq Iskandar bin Abdullah dan

Kategori 'D' (Remaja Perempuan) dimenangi oleh Dayang Nor Hamizah binti Aji.

Bagi Kategori 'E' (Dewasa Lelaki Terbuka) pula dimenangi oleh Awang Haji Mohd. Asri bin Haji Timbang, manakala Dayangku Nurajaimah binti Pengiran Ajak pula memenangi Kategori 'F' (Dewasa Perempuan Terbuka).

Penyampaian hadiah-hadiah disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Md. Amir Hairil bin Awang Haji Mahmud.

Antara yang hadir menyaksikan pertandingan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Pertandingan dikendalikan oleh

Majlis Perundingan Mukim Batu Apoi dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Batu Apoi itu diharap akan dapat meningkatkan penghayatan terhadap Al-Quran yang sebenar dengan memahami isi dan tafsiran yang terkandung di dalamnya.

Dengan adanya pertandingan seumpamanya juga diharap akan dapat memberikan kesempatan kepada rakyat dan penduduk khususnya dalam kalangan kanak-kanak, ahli jawatankuasa takmir masjid dan ahli-ahli MPMK untuk sama-sama terlibat dalam memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-70 Tahun.

Ramadan Al-Mubarak

Oleh :
Pg. Hajah Fatimah
Pg. Haji Md. Noor
Foto : Jabatan Penerangan

HAMPIR dua minggu kita menjalani ibadah puasa pada bulan Ramadan, Alhamdulillah kita masih bersemangat untuk beribadah ini dapat membakar semangat kita untuk mengerjakan ibadat puasa sampai hingga selesai.

Ramadan adalah bulan yang akan membangkitkan semangat bekerja, belajar dan menjalani kehidupan dengan lebih aktif, maju dan bertenaga. Kerana itu, kehadiran bulan mulia ini tidak boleh dijadikan alasan untuk menjadi malas bekerja. Setiap pekerjaan kita lebih lancar, laju, cekap dan berdaya maju.

Kita perlu mengingati sejarah pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa perperangan juga berlaku pada bulan yang mulia ini. Para sahabat tetap berjuang menjadi tentera Allah. Jika menyelusuri konsep kerja dalam Islam, ia sebenarnya merupakan satu bentuk jihad, iaitu jihad sosioekonomi.

Kelonggaran masa bekerja Ramadan juga memberikan kita masa lebih beramal dengan membaca Al-Quran.

Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Sesiapa yang bekerja untuk anak isterinya melalui jalan yang halal, maka bagi mereka pahala seperti orang yang berjihad di jalan Allah." - Hadis riwayat Bukhari.

Bulan puasa yang penuh dengan cabaran dan dugaan ini, seharusnya kita perlu lebih peka memahami keadaannya dan bagaimana kita dapat mengkalkan prestasi dan stamina. Seharusnya ibadah puasa perlu dilihat sebagai motivasi untuk lebih berusaha dan berjaya.

BUMI BERTUAH

Kita selaku penjawat awam di Negara Brunei Darussalam amat beruntung sekali menjunjung tinggi titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menetapkan waktu-waktu bekerja di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan sepanjang bulan Ramadan, iaitu hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu ialah pada pukul 8.00 pagi hingga

Ramadan penambah motivasi, semangat bekerja



GAMBAR HIASAN ... Dengan kelonggaran waktu bekerja yang diperkenankan, ia akan melatih kita untuk melakukan kerja dengan lebih pantas, cekap dan cermat dan mampu bekerja dengan efisien, proaktif, dinamik, bersungguh-sungguh dan berdaya tinggi dalam mengimarahkan bulan berkat ini.

2.00 petang.

Bagi pekerja-pekerja yang bergaji hari pula masa bekerja hendaklah dikurangkan selama satu jam dari waktu-waktu bekerja biasa sementara penentuan memulakan kerja terserah kepada budi bicara kementerian dan jabatan masing-masing.

Pengurangan jam bekerja adalah bertujuan memberikan peluang kepada pekerja merehatkan fizikal dan minda agar dapat mengkalkan prestasi bagi sesi seterusnya. Di samping itu, ia juga membantu pekerja memulih dan menyegarkan kembali tenaga mereka. Walaupun secara kebiasaan waktu rehat adalah sesi menjamu selera, namun pada bulan mulia ini sewajarnya waktu rehat tersebut diisi ganti dengan zikir dan tahlil kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Datangnya bulan puasa diharapkan tidak mengganggu semangat kerja pegawai, malah menjadi motivasi untuk bekerja lebih baik lagi.

Beberapa pegawai kerajaan ketika ditemui melahirkan rasa kesyukuran

menyanjung tinggi atas kelonggaran waktu bekerja yang ditetapkan semasa bulan Ramadan ini yang menjadikan bulan mulia ini titik tolak untuk lebih bersemangat dan proaktif dalam bekerja.

BULAN PROAKTIF

Semoga semua penjawat awam akan melihat Ramadan sebagai bulan *turning point* untuk kita lancarkan satu slogan atau syiar untuk menjadi Ramadan ini bulan penuh proaktif dalam bekerja, bergerak, beramal, belajar dan berprestasi.

Fokus ibadah kerohanian pada waktu tengah hari kita akan mengunjungi surau atau masjid berdekatan pejabat kita. Luangkan masa sebelum waktu Zuhur untuk membaca Al-Quran, berzikir dan sebagainya. Suntikan semangat kepada kita untuk terus bekerja lebih bersungguh-sungguh hingga jam 2.00 petang. Kita gunakan ia sebagai *recharge* tenaga fizikal dan spiritual. Dengan kelonggaran waktu bekerja yang diperkenankan ini akan melatih kita untuk melakukan kerja dengan lebih

pantas, cekap dan cermat dan mampu bekerja dengan efisien, proaktif, dinamik, bersungguh-sungguh dan berdaya tinggi dalam mengimarahkan bulan berkat ini maka setiap pekerjaan akan lebih lancar, laju, cekap dan berdaya maju pada bulan mulia ini.

Selaku penjawat awam tidak kira sama ada ketua ataupun orang bawahan, kitani hendaklah sama-sama memikul tanggungjawab yang telah diberikan kerana agama Islam menuntut umatnya untuk memikul dan melaksanakan tanggungjawab itu yang juga merupakan suatu amanah dari Allah Subhanahu Wata'ala sebagai firmanya dalam Surah Al-Anfaal, ayat 27 tafsirnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah yang dianamahkan kepada kamu, sedang kamu mengetahui."

Semoga kita sebagai penjawat awam menjadi pekerja yang ikhlas, kreatif dan produktif,

tabah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cekap dan dedikasi, tabah menghadapi cabaran, serta dapat pula membawa masyarakat semua ke arah satu cara hidup yang terpuji dan diberkati. Dan lebih penting lagi semoga semua menjadi hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang beriman dan bertakwa. Mudah-mudahan segala pekerjaan yang dilakukan akan mendapat ganjaran pahala, mendapat berkat dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala. Sama-sama kita berdoa semoga ibadah puasa dan segala amal yang dilakukan kelak diterima dan mendapat ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'ala juga. Amin ya rabbal alamain.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 371 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa." Awal dari berpuasa adalah menyakini dan mengikhlaskan hati dari melawan nafsu, menahan diri daripada haus dan lapar, jika tidak, puasa akan berhenti di tengah hari.

Dengan keyakinan hati kita bisa berpuasa seharian, namun jika tanpa sahur, semua akan terasa berat.

Keagungan Ramadan menjadi rebutan seluruh umat Islam untuk menggandakan amal ibadat pada bulan yang mulia ini supaya mendapat keuntungan berlipat di dunia dan akhirat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Bulan Ramadan juga bukan penghalang bagi kita dalam melaksanakan tugas sebaliknya menjadikan Ramadan sebagai penambah motivasi dan semangat bekerja.

Niat ikhlas dalam melaksanakan tugas semasa berpuasa pada bulan Ramadan menjadi salah satu kunci bagi kejayaan dalam pelbagai hal dalam menjalani kehidupan yang diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Islam juga mendorong umatnya untuk bekerja, hidup dalam kemuliaan selain memberi kebebasan dalam memilih pekerjaan yang sesuai dengan kecenderungan dan kemampuan setiap orang.

Bertugas semasa bulan Ramadan masih memberi semangat, tenaga dan buah fikiran serta mampu untuk terus fokus dalam melaksanakan tugas-lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan ini setentunya amat berbeza dengan hari-hari biasa kerana banyak aktiviti-aktiviti yang menjurus pada keagamaan giat diadakan agar sedikit sebanyak memberi kesedaran dan membuka hati para pegawai dan kakitangan untuk lebih cenderung pada melakukan perkara-perkara yang berkebjakan.

Bagi salah seorang pekerja awam ketika ditemui berpendapat apa yang menyeronokkan bertugas semasa pada bulan Ramadan ini, adanya kelonggaran atau kekurangan waktu bekerja bagi pegawai dan kakitangan itu juga berpeluang untuk melakukan kerja-kerja berkebajikan yang lain atau mengambil masa yang lebih untuk meneruskan tugasannya.

"Walaupun melaksanakan tugas pada musim bulan Ramadan ini sedikit penat namun dengan niat ikhlas untuk bertugas itu sentiasa ada agar mendapat reda daripada Allah Subhanahu Wata'ala," jelasnya lagi.



GAMBAR HIASAN ... Luangkan masa untuk membaca Al-Quran, berzikir dan sebagainya sebagai suntikan semangat pada kita untuk terus bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh.

Julangan Titah menitikberatkan kesejahteraan, kebajikan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Sabtu, 18 Jun. - Sebagai usaha ke arah menyahut titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sering baginda kurniakan, khususnya yang menggalakkan sesama masyarakat supaya bantu-membantu ke arah kebajikan, maka Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Julangan Titah, telah tampil menyahut seruan titah-titah berkenaan.

Ke arah itu, Julangan Titah dengan rangkaian gabungan kerjasama yang terdiri daripada pegawai-pegawai Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kementerian Pembangunan, khususnya dari Jabatan Kerja Raya, Jabatan Tanah dan Jabatan Ukur, yang bertindak sebagai Urusetia Khas Projek Julangan Titah dan pemberong berkenaan menyiapkan lapan buah rumah persendirian dan sebuah rumah panjang 15 pintu di negara ini.

Memandangkan keadaan rumah-penerima yang terpilih tidak selamat untuk didiami, Urusetia Khas Projek Julangan Titah telah mengambil langkah bagi pembinaan rumah-rumah berkenaan dengan kaedah pembinaan rumah menggunakan Innovative Building Method (IBM) telah diguna pakai yang mana pembinaan rumah sahaja hanya mengambil masa satu bulan.

Tujuh daripada sembilan buah rumah persendirian termasuk sebuah rumah panjang 15 pintu di negara ini yang telah siap pembinaannya telah diserahkan.

Penyerahan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, selaku Ahli Jawatankuasa Projek Julangan Titah.

Penerima bantuan Projek Julangan Titah bagi Daerah Tutong ialah Dayang Hajah Murah binti Tamit yang tinggal di No. 58, Simpang 66, Jalan Meragang, Kampung Sinaut.

Dayang Hajah Murah, 75 tahun, seorang balu dan merupakan penerima pencen tua.

Semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei, beliau menjelaskan beliau tinggal bersama dua orang cucunya

yang tidak bekerja.

Menurut beliau, rumah yang sebelum ini agak usang dan tidak selamat serta sangat bahaya untuk didiami beliau.

Dengan pembinaan rumah baru dan dikurniakan kepada dirinya, di tapak yang sebelumnya, beliau menjelaskan melahirkan berasa terharu menerima dan mengucapkan rasa syukur serta berterima kasih kepada mereka yang terlibat dalam pembinaan rumah baru ini.

Katanya, dengan menerima rumah baru yang diserahkan pada hari ini, beliau dapat tinggal dengan lebih selamat dan selesa bersama cucunya.

Rumah berkenaan dilengkapi dengan tiga buah bilik tidur, dua kamar mandi, dapur dengan dilengkapi satu set meja makan dan bilik tamu yang dilengkapi dengan set perabot.

Dalam pada itu, adalah diharapkan inisiatif-inisiatif yang dijalankan bagi membantu orang-orang yang berkeperluan ini dihasratkan akan dapat membolehkan para penerima rumah-rumah berkenaan dan penghuni Rumah Panjang Baharu Melilas menyambut bulan Ramadan dan seterusnya Hari Raya Aidilfitri dengan lebih selesa.

Usaha-usaha ini, jelas memperlihatkan sikap keprihatinan dan pemedulian Kebawah DYMM yang sentiasa mengelinga dan menitikberatkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat baginda, khususnya dalam kalangan golongan yang memerlukan.



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (kiri) menyerahkan plak rumah Projek Julangan Titah kepada Dayang Hajah Murah binti Tamit.



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar menyerahkan plak rumah Projek Julangan Titah kepada Dayang Siti Nor Manja Lina Wati binti Haji Abdul Rahman.

Dari muka 1

Awang Haji Abdul Rahman, 58, yang sebelum ini tinggal bersama isteri dan anaknya di gerai jualannya di Tamu Selera melahirkan rasa menjunjung kasih ke hadapan majlis baginda dan pihak kerajaan atas bantuan rumah berkenaan.

Menurut beliau, sebelum ini keadaan rumah mereka tidak selamat untuk didiami dan mengalami kerosakan.

Perkara itu diakui sama oleh anak beliau, Dayang Siti Nor Manja Lina Wati dan Dayang Siti Nor Manja Marne yang masing-masing menerima bantuan rumah tersebut menjelaskan bahawa rumah mereka sebelum ini tidak kukuh untuk didiami dan kewangan mereka pula tidak mencukupi untuk memperbaiki rumah tersebut.

Dayang Siti Nor Manja Lina Wati yang mempunyai seorang anak hanya bergantung kepada suaminya yang hanya bekerja mengambil upah memotong rumput.

Menerusi bantuan itu beliau berharap akan dapat menyambut hari suci lebaran dengan penuh keceriaan dan kesyukuran.

Sementara adiknya, Dayang Siti Nor Manja Marne yang juga tidak mempunyai pekerjaan dan hanya membantu keluarganya menjual air kelapa juga tidak ketinggalan menggambarkan perasaan gembira dan terharu di atas bantuan rumah tersebut.

Katanya, suaminya tidak mempunyai sebarang pekerjaan kerana masalah kesihatan dan hanya menerima bantuan dari beberapa pihak di negara ini untuk membantu beliau bersama empat orang anaknya.

Melalui Julangan Titah dengan rangkaian gabungan kerjasama daripada pegawai-pegawai Pejabat Kebawah DYMM dan Kementerian Pembangunan khususnya Jabatan Kerja Raya, Jabatan Tanah dan Jabatan Ukur tersebut dihasrat akan dapat membolehkan para penerima menjalankan ibadah puasa dan seterusnya bergembira di Hari Raya Aidilfitri dengan lebih selesa.

RUMAH bantuan Projek Julangan Titah milik Dayang Hajah Murah binti Tamit didirikan di atas tapak rumah lama yang telah dirobohkan untuk membina rumah baru.

Rumah baharu selamat, selesa bagi Fauzanah



RUMAH Projek Julangan Titah Dayang Fauzana binti Ahad.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

MUKIM PENGKALAN BATU, Sabtu, 18 Jun. - Projek Julangan Titah dengan rangkaian gabungan kerjasama daripada pegawai-pegawai Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Pembangunan bertindak sebagai Urusetia Khas Projek Julangan Titah dan pemberong berkenaan telah berjaya membangunkan sembilan buah rumah

persendirian termasuk sebuah rumah panjang 15 pintu bagi membantu para pemilik-pemilik rumah di negara ini yang mempunyai kediaman yang tidak selamat untuk didiami.

Pembinaan rumah Projek Julangan Titah bagi mereka yang kurang berkemampuan dihasratkan untuk memberi peluang meneruskan kehidupan yang selesa, bersih dan selamat bagi mewujudkan kehidupan berkeluarga yang aman dan harmoni.

Pembangunan rumah-rumah berkenaan mampu disiapkan dalam masa satu bulan berkonsepkan dua buah bilik tidur yang dilengkapi dengan bilik tetamu, dapur dan tandas.

Semasa temu bual bersama Pelita Brunei, salah seorang penerima, iaitu Dayang Fauzana binti Ahad, berusia 29 tahun yang tinggal di Kampung Pengkalan Batu melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan adanya bantuan dan sumbangan yang diberikan kepada beliau.

Dalam kesempatan itu, beliau juga melahirkan rasa menjunjung kasih ke hadapan majlis baginda dan ucapan berbanyak terima kasih kepada pihak-pihak berkenaan yang terlibat terutama dari pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam memberikan bantuan rumah tersebut.

Rumah yang beliau diami sebelum ini berkeadaan daif dan usang, serta tidak selamat untuk didiami setelah dibina lebih 20 tahun lalu, dengan adanya rumah bantuan tersebut akan memberi peluang kepada beliau dan keluarganya untuk menjalankan kehidupan harian yang lebih baik, bersih dan selamat serta mewujudkan kehidupan aman dan harmoni.

"Alhamdulillah, selain disediakan rumah batu yang teguh dan selamat, malahan perabot-perabot seperti meja makan sekeluarga, kerusi-kerusi sofa dan katil juga turut disumbangkan oleh pihak Kerajaan Kebawah DYMM," tambah beliau.

Rakyat kurang berkemampuan terus diberikan bantuan



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (kiri) menyerahkan plak rumah Projek Julangan Titah kepada Dayang Faridah binti Kamis.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

JALAN MUARA, Sabtu, 18 Jun. - Kehidupan kehidupan Dayang Faridah binti Kamis sekeluarga di rumah kediamannya yang baharu kini lebih selesa untuk mereka berlindung dan beramal ibadat dengan sempurna.

Kehidupan Dayang Faridah serta keluarga di rumah kediamannya lama memberi kesan yang mendalam di lubuk hatinya dan hanya menjadi kenangan bermakna bagi mereka sekeluarga.

Ketika berkunjung ke rumah kediaman Dayang Faridah di Kampung Tanah Jambu, Jalan Muara, Pelita Brunei sempat menemu bual beliau yang tidak putus-putus melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan rahmat ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan melanjutkan usia baginda serta keseluruhan kerabat diraja dan mendoakan semoga baginda kekal karar memerintah negara dengan bijaksana.

Dayang Faridah yang berusia 45 tahun bersama suaminya, Awang Lakim bin Tuah, 48 yang berasal dari Lawas, Sarawak mempunyai tanggungan seramai enam orang anak.

Beliau juga menerima bantuan dari Jabatan Pembangunan Masyarakat setiap bulan bagi keperluan pelajaran anak-anak serta asasi barang makanan

ujarnya.

Beliau seterusnya melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas rezeki yang diberikan dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas perkenan baginda ini dan

keprihatinan baginda yang sentiasa terus memantau serta membantu keseluruhan rakyatnya yang kurang berkemampuan.

Sementara Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi dalam temu bual menyatakan, Projek Julangan Titah ini mungkin akan diteruskan InsyaAllah bagi membantu orang-orang memerlukan dan Yang Mulia Dato Paduka berharap dengan adanya bantuan seperti ini mudah-mudahan agensi-agensi berkenaan yang lain juga turut membantu.

Yang Mulia Dato Paduka menjelaskan lagi, bantuan seumpama ini diberikan kepada keadaan rumah mereka yang kurang selamat untuk didiami, keadaan rumah yang tidak dapat diselamatkan dari segi kebersihan dan sebagainya.

